

Najib diberi cukup peluang untuk perjelas tuduhan

BERITA HARIAN 27 APR 2024

mb: 15

Saksi tolak cadangan pegawai SPRM tidak menjelaskan tuduhan secara terperinci

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

Kuala Lumpur: Mahkamah Tinggi semalam diberitahu, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak diberi peluang mencukupi untuk menjelaskan secara terperinci mengenai tuduhan terhadapnya ketika disoal siasat.

Pegawai Penyiasat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Penguasa Kanan Nur Aida Arifin berkata, pegawai SPRM mengambil rakaman percakapan secara naratif dan saksi atau tertuduh diberi peluang memberikan penjelasan.

Nur Aida yang juga saksi ke-49 pendakwaan bagi perbicaraan skandal kewangan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) berkata demikian ketika menjawab soalan balas peguam bela Wan Azwan Aiman Wan Fakhruddin yang membangkitkan persoalan Najib tidak ditanya apa-apa so-



Nur Aida hadir sebagai saksi pendakwaan ke-49 dalam kes penyelewengan dana 1MDB di Mahkamah Tinggi, semalam. (Foto BERNAMA)

alan ketika beliau ditunjukkan dua dokumen mengenai perolehan Mastika Lagenda Sdn Bhd oleh 1MDB.

Wan Azwan Aiman mendandakan, ketika dokumen itu dirujuk kepada anak guamnya, Najib tidak disoal mengenai apa yang sebenarnya berlaku dan

keadaan keseluruhan membabitkan dokumen berkenaan.

Tiada soalan spesifik

Menjelaskan lanjut perkara itu, Nur Aida berkata, pegawai penyiasat SPRM tidak meletakkan soalan spesifik ketika mengambil kenyataan Najib.

“Tetapi apabila kita merujuk (kepada dokumen), kita meminta Najib menjelaskan secara penuh mengenai dokumen dirujuk termasuk tindakan dan perkara berkaitan keseluruhan isu.

“Kita tanya soalan dan kita akan rakam dengan cara naratif, dan saksi atau tertuduh diberi peluang menjelaskan secara terperinci.

“Saya percaya ada soalan ditanyakan (kepada Najib) apabila dokumen ditunjukkan kepadanya,” katanya.

Nur Aida berkata demikian ketika memberi keterangan terhadap Najib, 70, yang berdepan empat pertuduhan iaitu menggunakan kedudukan beliau untuk memperoleh suapan berjumlah RM2.3 bilion dana 1MDB dan 21 pertuduhan pengubahan wang haram membabitkan jumlah sama.

Sementara itu, Nur Aida tidak bersetuju dengan cadangan peguam bahawa SPRM tidak membawa perhatian Najib kepada dua dokumen terbabit dan pada sama menjelaskan apakah pertuduhan agensi itu terhadapnya.

Ketika disoal sama ada Najib dijelaskan bagaimana kedua-dokumen itu selari dengan pertuduhan terhadapnya, Nur Aida menjawab, “secara spesifik, tidak ada.”

Perbicaraan di hadapan Hakim Datuk Collin Lawrence Sequerah bersambung hari ini.